

**Tiga nama calon setiap Parlimen, DUN diterima
Utusan Online
14 April, 2012**

TANJONG KARANG 13 April - UMNO sudah menerima semua nama calon yang dipilih oleh setiap Jawatankuasa Khas di peringkat bahagian untuk disenaraikan bagi bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor berkata, senarai itu telah diterima pada 2 April lalu iaitu membabitkan tiga nama bagi setiap kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Ia melibatkan seluruh bahagian di kawasan yang ditandingi UMNO dan saya juga minta parti komponen menyediakan senarai calon bagi kawasan yang mereka bertanding.

"Langkah meminta peringkat bahagian menyediakan senarai nama calon itu adalah berasaskan kepada Fasal 15 (3) Perlembagaan UMNO yang mahu jawatankuasa di bahagian menyediakan tiga nama bagi setiap jawatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan jentera pilihan raya BN peringkat Parlimen Tanjong Karang di sini hari ini.

Tengku Adnan yang juga Ahli Parlimen Putrajaya berkata, jawatankuasa khas itu boleh membuat sebarang pencalonan namun ia bukanlah senarai muktamad.

Ditanya bilakah senarai akhir calon-calon itu dapat disiapkan, beliau berkata, pihaknya kini dalam proses akhir penyenaraian nama- nama calon tersebut.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0414&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm